



Tarikh Notis Tender dikeluarkan: 17.05.2023

MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN
KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) yang masih sah dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam kelas dan kepala / subkepala yang berkaitan yang masih sah dan telah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) (sertakan surat pendaftaran yang telah didaftar dengan MPKS sekiranya ada) yang dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja dibawah:-

BIL.	NO. TENDER.	TAJUK TENDER	BUTIR – BUTIR KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN #TIDAK DIKEMBALIKAN#
1.	MPKS/ENG/T/42/2023 (RMKe-12)	MENAIKTARAF PERPARITAN DI BAWAH BIDANGKUASA MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN : – DI KAMPUNG MERDANG GAYAM.	UPKJ Kelas F atau EX Kepala IV Subkepala 4 (Kerja); dan berdaftar dengan CIDB. (TAWARAN BUMIPUTERA SAHAJA)	RM 100.00 / SET

2. Dokumen Tender boleh diperolehi di Tingkat Bawah, Bahagian Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Kota Samarahan pada waktu pejabat mulai **17hb MAY 2023 (RABU)** setelah pembayaran dilakukan di Kaunter Pembayaran MPKS untuk Yuran Dokumen (tidak dikembalikan) dalam bentuk Wang Tunai atau Cek;

WAKTU PEMBELIAN DOKUMEN TENDER:-

HARI	MASA
ISNIN sehingga KHAMIS	08.00 pagi – 12.30 tengah hari & 2.00 petang - 3.00 petang
JUMAAT	08.00 pagi – 11.30 pagi & 02.15 petang – 03.00 petang

3. Kontraktor (Pemegang Lesen) atau Wakil Kontraktor dikehendaki membawa **SESALINAN SIJIL ASAL** seperti dibawah untuk tujuan pengesahan sebelum dokumen tender boleh dikeluarkan kepada penender yang layak:-

- Sijil Pendaftaran Perniagaan, Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ atau Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB;
- Kad Pengenalan Pemegang Lesen atau Kad Pengenalan Wakil Syarikat (*wakil dikehendaki membawa surat pengakuan daripada syarikat untuk tujuan pengesahan mengambil dokumen tender bagi pihak syarikat dan sesalinan kad pengenalan yang telah disahkan*);
- Profil Syarikat termasuk maklumat Plant dan Equipment serta Pengalaman Kontraktor (dilampirkan sekali semasa menghantar dokumen tender);
- Penyata kewangan 3 bulan terkini syarikat (dilampirkan sekali semasa menghantar dokumen tender).

*Salinan dokumen-dokumen diatas (telah disahkan) juga perlu dimasukkan sekali bersama dokumen tender semasa menghantar dokumen tender. Semua dokumen hendaklah diisi dan dilengkapkan, kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Lembaga Tender boleh **MENOLAK** tawaran Tender.

4. Dokumen Tender yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **TARIKH TUTUP TENDER, NOMBOR TENDER** dan **TAJUK TENDER** serta perlu dimasukkan ke dalam kotak peti tender yang disediakan di dalam bilik pejabat Setiausaha Perbandaran di Tingkat 1, Pejabat Majlis Perbandaran Kota Samarahan dan dokumen tender hendaklah dialamatkan seperti berikut:-

Pemangku Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Kota Samarahan
94300 Kota Samarahan

- Tarikh akhir **MENGHANTAR/TUTUP** bagi dokumen Tender di atas adalah pada **30 MEI 2023 (SELASA)** sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** dan sebarang dokumen Tender yang **diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak**.
- Maksimum **ketebalan** bagi dokumen tender yang dihantar hendaklah **<7cm**.
- Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) tidak terikat untuk menerima tawaran tender terendah atau mana-mana tawaran tender.
- Notis tender ini juga boleh dilayari di laman web <http://www.mpks.sarawak.gov.my>.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"

(HISSYAM BIN HAZMI)

B.P Pemangku Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Kota Samarahan

- s.k.:
- Tuan Residen Bahagian Samarahan,
 - Pegawai Daerah Bahagian Samarahan
 - Jurutera Bahagian, JKR Samarahan,
 - Jurutera Bahagian, DID Samarahan,
 - Akauntan, W41 MPKS
 - MPKS Notice Board,
 - Fail.